



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
CAWANGAN PULAU PINANG

MODUL PENILAIAN PMR


OGOS 2012

PERATURAN PEMARKAHAN BAHASA MELAYU KERTAS 1

PERATURAN PEMARKAHAN - KERTAS 1

No Soalan	Pilihan Jawaban	Keterangan / Catatan	Halaman
1	D	Maksud Dana : Kumpulan wang untuk sesuatu tujuan atau kegunaan	KD 4 m/s 310
2	D	Maksud melempangkan : meluruskan (badan dll)	KD 4 m/s 918
3	A	Kata Sendi Nama	TD m/s 269
4	B	Bahasa Istana, kata ganti nama diri pertama untuk rakyat	
5	B	Rujuki KD 4	KD 4 m/s 935
6	B	Maksud rangup : mudah pecah atau patah	KD 4 m/s 1285
7	C	Penjodoh bilangan	
8	C	Hukum DM	
9	A	Kata Jamak	
10	A	Kata ganti nama tak tentu	
11	A	Ayat perintah, ayat silaan dan ayat larangan tidak hadir serentak. Rujuki Tatabahasa Dewan (TD)	m/s 451
12	C	Kata bilangan jamak	
13	D	Rujuki Tatabahasa Dewan (TD)	m/s 247
14	D	Kata Kerja Transitif	KD 4 m/s 1469
15	A	Rujuki Kamus Dewan (KD) 4	m/s 956
16	D	Rujuki Kamus Dewan (KD) 4	m/s 1161
17	A	Rujuki Kamus Dewan (KD) 4	m/s 426
18	A	Kata Sendi Nama	
19	C	Kata bilangan jamak	
20	D	Ayat pasif diri pertama -ter	
21	B	Frasa Adjektif	
22	D	Ayat sama maksud	
23	C	Ayat sama maksud	
24	B	Ayat sama maksud	
25	A	Ayat III – tiada kata sendi ke Ayat IV – menyalahi hukum DM	TD m/s 272
26	A	Ayat III- kesalahan kata sendi kepada – pada Ayat IV – kesalahan kata sendi dengan – pada	TD m/s 274
27	C	Ayat IV – mengotorkan sepatutnya mengotori (KKTT)	

28	C	<ul style="list-style-type: none"> - Ke sungai sambil mandi (Buku Teks Ting.3) - Sambil berdiang nasi masak (Buku Teks Ting 3) - Sebagai condong ditumpil, lemah dianduh (Buku Teks Ting 3) - Sekali membuka pura, dua tiga hutang berbayar (Buku Teks Ting 3) 	<p>156</p> <p>156</p> <p>76</p> <p>156</p>
29	B	<ul style="list-style-type: none"> - Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih (Buku Teks Ting 3) - Biar putih tulang jangan putih mata (Buku Teks Ting 2) - Bagai cincin dengan permata (Buku Teks Ting 1) - Aiah bisa tegal biasa (Buku Teks Ting 1) 	<p>71</p> <p>107</p> <p>30</p> <p>65</p>
30	D	<ul style="list-style-type: none"> - Anjing buruk kepala (Buku Teks Ting 1) - Layang-layang putus tali (Buku Teks Ting 1) - Gembala diberi keris (Buku Teks Ting 3) - Kerakap tumbuh di batu, hidup segan mati tak mau (Buku Teks Ting 3) 	<p>54</p> <p>30</p> <p>75</p> <p>196</p>
31	C	Pemilihan jawaban merujuk kepada kata-kata Firdaus dalam petikan.	
32	A	Pemilihan jawaban berdasarkan pandangan yang diberikan oleh Yahya.	
33	B	Pengajaran terdapat dalam teks berdasarkan dialog antara Yahya dengan Zainal.	
34	C	Jawaban berdasarkan perbuatan Yahya dalam petikan drama.	
35	D	Jawaban berdasarkan buku antologi Harga Sebuah Lukisan (T3)	m/s 110.
36	B	Jawaban berdasarkan maksud sajak keseluruhan.	
37	B	Jawaban berdasarkan maksud rangkap kedua	
38	D	Jawaban berdasarkan buku antologi Gema Sepi Gadis Genius (T2)	m/s 19
39	C	Perbandingan unsur konkrit dengan abstrak	
40	B	Jawaban berdasarkan buku antologi Gema Sepi Gadis Genius (T2)	m/s 19



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
CAWANGAN PULAU PINANG


MODUL PENILAIAN PMR

02/2 (PP)

OGOS 2012

PERATURAN PEMARKAHAN BAHASA MELAYU KERTAS 2

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
CAWANGAN PULAU PINANG

MODUL PENILAIAN PMR

02/2 (PP)

OGOS 2012

PERATURAN PEMARKAHAN BAHASA MELAYU KERTAS 2

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

PERATURAN PEMARKAHAN - KERTAS 2

BAHAGIAN A (i) – RINGKASAN (20 Markah)

Markah Isi : 10 markah

BILANGAN ISI	MARKAH
5	9 - 10
4	7 - 8
3	5 - 6
2	3 - 4
1	1 - 2

Markah Bahasa : 10 markah

- Kesalahan bahasa ditanda seperti penandaan karangan
- Bahasa dinilai secara impression
- Kriteria pemeringkatan markah seperti di bawah :

Peringkat	Markah	Deskripsi
Cemerlang	9 – 10	- Bahasa baik dan lancar - Guna ayat sendiri, pemilihan kata tepat, ayat gramatis dan penanda wacana sesuai - Ejaan dan tanda baca betul
Baik	6 – 8	- Bahasa baik dan lancar - Masih berupaya guna ayat sendiri, pemilihan kata agak terhad, ayat masih gramatis dan penanda wacana masih sesuai - Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang minimum
Memuaskan	3 – 5	- Bahasa kurang lancar - Terdapat kesalahan yang ketara dalam ayat, ejaan dan tanda baca atau - menyalin ayat daripada petikan asal secara terpilih
Penguasaan Minimum	1 – 2	- Keseluruhan jawapan menggambarkan penguasaan bahasa yang lemah - Menyalin secara terus daripada petikan

Saluran Cara Penandaan Ringkasan

1. Isi minimum 5. Pemeriksa dikehendaki menanda (/) apabila terjumpa isi yang betul.
2. Jawapan calon diperiksa sehingga 80 patah perkataan, tetapi dibenarkan sehingga habis perkataan dalam ayat terakhir. Buat satu gansan panjang selepas 80 patah perkataan.
3. Kalau calon menulis berperenggan, periksa seperti biasa.
4. Calon menyalin isi secara terpilih tanpa sebarang perubahan ayat asal, markah isi seperti biasa, tetapi markah bahasa – maksimum 5 markah.
5. Calon menyalin isi secara terpilih tetapi ada wacana bahasa dan kosa kata yang sesuai sebagai penyambung ayat, diperiksa seperti biasa.
6. Jika calon menyalin isi secara terpilih dan ditulis dalam bentuk poin, markah untuk isi adalah seperti biasa tetapi markah maksimum untuk bahasa ialah 4 markah.
7. Calon menyalin terus daripada petikan tanpa membuat apa-apa perubahan – (menyalin bulat-bulat) = Markah isi dibahagi dua dan markah bahasa maksimum 2 markah

Buat catatan : Calon menyalin petikan.

- Menyalin bulat-bulat bermaksud menyalin keseluruhan petikan yang diberikan
- Atau keseluruhan daripada mana-mana perenggan.

8. Isi yang tidak berterutan diperiksa seperti biasa.

9. Jawapan dalam bentuk poin tetapi ayatnya lengkap – markah isi diberi seperti biasa tetapi markah bahasa – maksimum – 8 markah

10. Penandaan jawapan calon seperti penandaan karangan tetapi tiada pemotongan markah untuk kesalahan ejaan.

Cara penulisan markah ringkasan

1.	Kalau calon menulis berperenggan	I = 5x2 = 10 B = 10 J = 20	3.	I = 5x2 = 10 (calon menyalin isi secara terpilih) B = 5 (Markah bahasa maksimum 5) J = 15
2.	Calon menyalin isi secara terpilih	I = 5x2 = 9 (mungkin ada isi yang kurang lengkap) B = 8 J = 17	4.	I = 2x2 = 4 (bahagi 2) = 2 (calon menyalin bulat-bulat) B = 2 (markah bahasa maksimum 2) J = 4

* Menyalin petikan

7. Calon menyalin terus daripada petikan tanpa membuat apa-apa perubahan – (menyalin bulat-bulat) = Markah isi dibahagi dua dan markah bahasa maksimum 2 markah

Buat catatan : Calon menyalin petikan

- Menyalin bulat-bulat bermaksud menyalin keseluruhan petikan yang diberikan
- Atau keseluruhan daripada mana-mana perenggan.

8. Isi yang tidak berterutan diperiksa seperti biasa.

9. Jawapan dalam bentuk poin tetapi ayatnya lengkap – markah isi diberi seperti biasa tetapi markah bahasa – maksimum – 8 markah

BAHAGIAN A (ii) : PEMAHAMAN (10 MARKAH)

1. Petikan pemahaman umum berdasarkan petikan ringkasan
2. Jawab soalan pemahaman dengan menggunakan ayat sendiri
3. Tidak ada markah setengah (1/2) bagi jawapan bahagian ini.
4. Setiap isi yang diterima ditanda (/)
5. Kesalahan bahasa , contoh ejaan, frasa ditanda seperti b'asa (penandaan karangan)

Soalan 1 : Maksud rangkai kata (2 markah)

- memberikan maksud rangkai kata berdasarkan konteks petikan
- ayat jawapan mesti lengkap – subjek & predikat

Markah	Deskripsi
2 markah	Maksud tepat mengikut konteks dan ayat gramatis
1 markah	Maksud tepat mengikut konteks tetapi ayat tidak lengkap
1 markah	Maksud kurang tepat mengikut konteks/isi tersurat sahaja
1 markah	Hanya memberikan sebahagian daripada maksud rangkai kata / ayat gramatis
0 markah	Maksud tidak tepat mengikut konteks

Soalan 2 - Soalan pemahaman berdasarkan petikan (4 markah)

- menjawab berdasarkan isi dalam petikan (4 m)
- kemukakan sekurang-kurangnya 2 isi/jawapan
- 1 jawapan yang betul – 2 markah, 2 jawapan yang betul – 4 markah
- jawapan mesti betul termasuk dari segi tatabahasa / ejaan

Markah	Deskripsi
4 markah	Isi dinyatakan dengan cukup serta lengkap dan ayat gramatis
3 markah	Isi cukup dan lengkap mengikut tugasan tetapi ayat kurang gramatis
2 markah	Isi tidak cukup dan kurang lengkap mengikut tugasan tetapi ayat gramatis
1 markah	Isi tidak cukup dan kurang lengkap mengikut tugasan serta ayat kurang gramatis
0 markah	Isi tidak mengikut tugasan tetapi ayat gramatis
0 markah	Isi tidak mengikut tugasan dan ayat tidak gramatis

Soalan 3 : Soalan Pemahaman Kemahiran Berfikir (4 markah)

- Jawapan berdasarkan pendapat sendiri yang berkaitan dengan petikan
- 2 jawapan diperlukan – 1 jawapan /isi yang sempurna – 2 markah dan tanda (/)
- jawapan mesti betul termasuk dari segi tatabahasa / ejaan

Markah	Deskripsi
4 markah	- Isi relevan mengikut tugasan dan ayat yang gramatis
3 markah	- Isi relevan mengikut tugasan tetapi ayat kurang gramatis
2 markah	- Isi kurang relevan mengikut tugasan tetapi ayat gramatis
1 markah	- Isi kurang relevan mengikut tugasan dan ayat kurang gramatis
0 markah	- Isi tidak tepat tetapi ayat gramatis - Isi tidak tepat dan ayat tidak gramatis

BAHAGIAN A (i) : RINGKASAN

Cadangan isi ringkasan

Isi-isi ringkasan :

1. dapat mengekalkan kecergasan fizikal dan kecerdasan minda.
2. mengisi masa senggang .
- 3.menyuntik elemen positif dalam diri.
4. mampu mengelakkan remaja terjebak dalam aktiviti yang tidak sihat.
5. mendidik remaja mempunyai minda dan pergaulan yang lebih terbuka.
6. untuk membentuk sahsiah diri yang unggul.
7. mengajar mereka tentang nilai persahabatan.
8. membantu perkembangan psikologi remaja.
9. meningkatkan motivasi diri dan menilai diri.

[Beri 2 markah bagi setiap isi yang tepat]

BAHAGIAN A (ii) : PEMAHAMAN

Cadangan isi pemahaman

1. Maksud rangkai kata

(2 markah)

Dilihat	mudah
Dianggap	ringan

Panduan

- 1 betul 1 salah - 0 markah contoh : tahap planet - 0 markah
- 1 tukar dan betul 1 tidak tukar - 1 markah contoh : tahap global - 1 markah

2. Berdasarkan petikan, berikan **dua** langkah yang dapat dilakukan oleh remaja untuk menjadikan aktiviti rekreasi sebagai gaya hidup [4 markah]

- Antara usaha yang perlu dilakukan adalah membahagikan masa untuk belajar dan untuk berekreasi. Selain itu, remaja perlu memilih aktiviti rekreasi yang bersesuaian dengan tahap kecergasan diri.

3. Pada pendapat anda, mengapakah aktiviti rekreasi masih kurang diminati golongan remaja [4 markah]

- menyekat kebebasan mereka.
- tidak mendapat pendedahan - ibu bapa./pihak sekolah / masyarakat

10-faktor keselamatan

BAHAGIAN A (ii) : PEMAHAMAN

Cadangan isi pemahaman

1. Maksud rangkai kata

- tidak mendapat dorongan daripada - rakan/ guru /ahli keluarga / masyarakat
- gemar akan aktiviti yang mudah berbanding dengan mencabar.
- waktu terluang diisi dengan aktiviti lain : tuisyen dan belajar atau berpelesenan

(terima jawapan lain yang munasabah)

[Beri 2 markah bagi setiap isi yang tepat]

BAHAGIAN B : KARANGAN BERDASARKAN BAHAN RANGSANGAN [20 MARKAH]

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	16 – 20	<ul style="list-style-type: none">• Ayat gramatis• Penggunaan kata dan kosa kata yang luas dan tepat• Kesalahan penggunaan kata yang minimum• Ejaan dan tanda baca yang betul• Idea yang relevan berdasarkan tugas.• Huraian idea seperti pendapat, ulasan, cadangan dan kesimpulan sesuai dan berkembang• Pengolahan yang menarik dan berkesan.
BAIK	11 – 15	<ul style="list-style-type: none">• Ayat masih gramatis• Penggunaan kata dan kosa kata masih luas dan tepat• Kesalahan penggunaan kata yang minimum• Kesalahan ejaan dan tanda baca yang minimum• Idea yang relevan berdasarkan tugas. Huraian idea seperti pendapat, ulasan, cadangan dan kesimpulan masih sesuai tetapi kurang dikembangkan• Pengolahan masih menarik
MEMUASKAN	06 – 10	<ul style="list-style-type: none">• Ayat kurang gramatis• Penggunaan kata dan kosa kata yang terhad• Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara• Idea yang relevan berdasarkan tugas. Huraian idea seperti pendapat, ulasan, cadangan dan kesimpulan yang terhad• Pengolahan tidak menarik
PENGUASAAN MINIMUM	01 – 05	<p>Keseluruhan jawapan calon menggambarkan penguasaan bahasa yang tidak cekap</p> <ul style="list-style-type: none">• Idea kabur / tidak berkaitan dengan tugas.

Cara menyemak jawapan murid yang terdapat kesalahan bahasa, tanda baca, ejaan dan isi / fakta adalah seperti berikut.

- _____ kesalahan bahasa, perkataan dan frasa
- / kesalahan ejaan
- // kesalahan ejaan yang berulang
- kesalahan tanda baca
- () kesalahan isi / fakta

BAHAGIAN C : KARANGAN RESPON TERBUKA [40 MARKAH]

PERINGKAT	MARKAH
CEMERLANG	33 - 40
KEPUJIAN	25 - 32
BAIK	17 - 24
MEMUASKAN	09 - 16
PENGUASAAN MINIMUM	01 - 08

KRITERIA MERILAI KEMAHIRAN MENULIS

ASPEK	KRITERIA
BAHASA	<ul style="list-style-type: none"> • Kegramatisan: Kata (morfologi) • Ayat (sintaksis) • Ejaan dan tanda baca betul • Kosa kata luas dan tepat
IDEA	<ul style="list-style-type: none"> • Isi-isi sesuai • Huraian isi jelas • Contoh yang sesuai
PENGOLAHAN	<ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan menarik dan berkesan • Pemerenggan sesuai • Format menepati tugasan • Unsur keindahan bahasa (pantun dan peribahasa)

BAHAGIAN C : KARANGAN RESPON TERBUKA [40 MARKAH]

PERINGKAT	MARKAH
CEMERLANG	33 - 40
KEPUJIAN	25 - 32
BAIK	17 - 24
MEMUASKAN	09 - 16
PENGUASAAN MINIMUM	01 - 08

KRITERIA MERILAI KEMAHIRAN MENULIS

ASPEK	KRITERIA
BAHASA	<ul style="list-style-type: none"> • Kegramatisan: Kata (morfologi) • Ayat (sintaksis) • Ejaan dan tanda baca betul • Kosa kata luas dan tepat

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	33 – 40	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat • Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum • Penggunaan penanda wacana yang betul • Ejaan dan tanda baca yang betul • Penggunaan kosa kata yang luas dan tepat • Idea yang relevan dengan huraian yang jelas berserta dengan contoh-contoh yang sesuai • Pengolahan menarik dan berkesan dengan pemerenggan yang sesuai dan format menepati kehendak tugas • Penggunaan ungkapan yang mudah seperti peribahasa, pantun, cogan kata dan frasa yang menari
KEPUJIAN	25 – 32	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat • Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum • Penggunaan penanda wacana yang sesuai • Ejaan dan tanda baca yang betul • Penggunaan kosa kata yang luas • Idea yang relevan dengan huraian yang jelas berserta dengan contoh-contoh • Pengolahan menarik dengan pemerenggan yang sesuai dan format menepati kehendak tugas • Penggunaan ungkapan yang mudah seperti peribahasa, pantun, cogan kata dan frasa yang menarik
BAIK	17 – 24	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai • Penggunaan ayat majmuk gabungan yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum • Penggunaan penanda wacana yang masih sesuai • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang minimum • Penggunaan kosa kata umum tetapi terdapat kesalahan yang minimum • Idea masih relevan dengan huraian yang masih jelas • Pengolahan masih menarik dengan pemerenggan yang masih sesuai dan format menepati kehendak tugas
MEMUASKAN	09 – 16	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad • Penggunaan ayat yang mudah tetapi terdapat kesalahan yang minimum • Penggunaan penanda wacana yang kurang tepat • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara • Idea masih relevan / idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas • Pengolahan kurang menarik dengan pemerenggan yang kurang sesuai dan format yang kurang tepat
PENGUASAAN MINIMUM	01 – 08	<ul style="list-style-type: none"> • Keseluruhan jawapan murid menggambarkan penguasaan bahasa yang tidak cekap • Tidak menjawab tugas / soalan

NOTA:

Cara menyemak jawapan murid yang terdapat kesalahan bahasa, tanda baca, ejaan dan isi / fakta adalah seperti berikut.

_____ kesalahan bahasa, perkataan dan frasa

/ kesalahan ejaan

// kesalahan ejaan yang berulang

○ kesalahan tanda baca

() kesalahan isi / fakta

Soalan C : Karangan Respons Terbuka

Soalan 1 -- Huraikan ibu bapa memainkan peranan yang penting untuk mengawal obesiti dalam kalangan anak-anak.

- Jika calon memberikan cara-cara mengawal obesiti tanpa menyatakan peranan ibu bapa – maksimum peringkat baik
- Jika calon menjawab dalam bentuk cerita dan dikaitkan dengan peranan ibu bapa untuk mengawal obesiti dalam kalangan anak-anak – terima seperti biasa
- Jawapan calon bercampur aduk antara peranan ibu bapa dan peranan pihak lain (contoh : sekolah atau masyarakat) – terima seperti biasa (pastikan cukup isi bagi peranan ibu bapa – sekurang-kurangnya 3 isi)
- Calon membincangkan peranan pihak lain dan bukannya ibu bapa – maksimum peringkat memuaskan

Soalan 2 -- Bincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi kecemerlangan akademik seseorang pelajar.

- Jika calon menjawab kesan-kesan kecemerlangan akademik dalam kehidupan seseorang pelajar – maksimum peringkat memuaskan
- Jika calon menjawab dalam bentuk cerita dan dikaitkan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi kecemerlangan akademik seseorang pelajar -- terima seperti biasa
- Jika calon menjawab dalam bentuk cerita tanpa dikaitkan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi kecemerlangan akademik seseorang pelajar -- maksimum peringkat memuaskan.
- Jawapan calon bercampur aduk antara faktor dan sebab-sebab lain (contoh : kesan) -- terima seperti biasa (pastikan cukup isi bagi faktor -- sekurang-kurangnya 3 isi)

Soalan 3 -- Surat kiriman tidak rasmi menceritakan pengalaman bersekolah di tempat baharu kepada seorang sahabat karib.

- Format Surat tidak rasmi
- Jika format tidak lengkap, *impression* turun sedikit (1m -- 3m)
- Jika jawapan bukan dalam bentuk surat tidak rasmi -- maksimum peringkat baik.
- Jika surat tidak menceritakan pengalaman sendiri tetapi pengalaman orang lain misalnya keluarga/kawan/guru -- maksimum peringkat memuaskan.

Soalan 4 – Huraikan langkah-langkah untuk meningkatkan semangat kejiwaan dalam masyarakat kita.

- a. Jika calon cuma memberikan faktor-faktor dan bukannya langkah-langkah – maksimum peringkat memuaskan
- b. Jawapan calon bercampur aduk antara langkah dan faktor – terima seperti biasa (pastikan cukup isi bagi langkah – sekurang-kurangnya 3 isi)
- c. Jawapan calon dalam bentuk cerita dan dikaitkan dengan langkah-langkah meningkatkan perpaduan dalam masyarakat – terima seperti biasa
- d. Jawapan calon dalam bentuk cerita tetapi tidak dikaitkan dengan langkah-langkah meningkatkan perpaduan dalam masyarakat, contoh : menceritakan aktiviti gotong royong dalam kalangan jiran dan sebagainya – maksimum peringkat memuaskan

Soalan 5 – Peribahasa Genggam bara api biar sampai jadi arang.

- a. Calon menjawab bukan dalam bentuk cerita, contoh : huraian dan ulasan – maksimum peringkat kepujian
- b. Calon menjawab dalam bentuk cerita tetapi tiada kaitan dengan peribahasa yang diberi – maksimum peringkat memuaskan
- c.

Perhatian :

Semua skema yang diberi cuma sebagai panduan guru-guru pemeriksa. Guru-guru boleh memberikan penilaian pada jawapan calon berdasarkan budi bicara sendiri

BAHAGIAN D: PEMAHAMAN NOVEL [10 MARKAH]

PEMBAHAGIAN MARKAH

PERINCIAN	MARKAH
ISI	6 Markah
BAHASA	4 Markah

KRITERIA MARKAH BAHASA

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	04	<ul style="list-style-type: none">• Bahasa baik dan lancar• Ayat gramatis• Ejaan dan tanda baca yang betul
BAIK	02 – 03	<ul style="list-style-type: none">• Bahasa masih baik dan masih lancar• Penggunaan ayat masih gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum• Kesalahan ejaan dan tanda baca yang minimum
MEMUASKAN	01	<ul style="list-style-type: none">• Bahasa tidak cekap• Ayat tidak gramatis• Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara

NOTA:

- Maksimum isi: **3 isi**
- Satu isi berserta huraian **2 markah**
- Jawapan murid mestilah berdasarkan novel-novel yang dipelajari di tingkatan 2 atau 3
- Markah maksimum bagi bahasa **4 markah**
- Markah bahasa diberi secara **tanggapan** (impression)
- Markah maksimum **10 markah**

Cadangan isi novel

Latar Masyarakat

Novel Hikmah

1. Masyarakat pelajar/ sekolah
Cth: Amri, Sapura dan Rozita merupakan masyarakat sekolah.
2. Masyarakat guru yang tegas
Cth: Cikgu Salman tidak akan berkompromi dalam hal yang berkaitan dengan masalah disiplin. Dia telah menghukum Amri dengan merotannya apabila Amri membuli murid lain.

3. Masyarakat yang suka membuli orang lain.
Cth: Amri suka membuli murid-murid sekolah tersebut dan mereka takut mengadu perbuatan Amri kerana takut dibuli dengan lebih teruk.
4. Masyarakat yang amanah.
Cth: Sapura seorang pengawas yang amanah menjalankan tugasnya dengan melaporkan perbuatan Amri yang membuli murid sekolah tersebut walaupun dia telah risiko yang bakal diterimanya.
5. Masyarakat yang tidak bermoral.
Cth : Bapa Amri yang terlibat dengan dadah dan perjudian dan selalu meminta wang daripada isterinya.
6. Masyarakat yang prihatin.
Cth: Sapura, ibu dan bapanya merupakan masyarakat yang prihatin terhadap masalah yang menimpa Amri dan ibunya. Mereka sudi untuk membantu keluarga Amri.

Novel Erti Sebuah Pengorbanan

Latar Masyarakat

- Masyarakat pelajar
Cth-Masyarakat ini diwakili oleh Iman, Linda, Pei Wen, Zulkarnain dan Adif Danial.
- Masyarakat yang patuh kepada agama
Cth-Datuk selalu bersembahyang jemaah di surau berhampiran rumahnya di kampung tersebut.
- Masyarakat Peniaga
Cth – Bapa iman Zulaika sibuk menguruskan perniagaan menyebabkan adakalanya dia tidak dapat berjumpa Iman.
- Masyarakat yang bercerai-berai
Cth- Yusri dan Ruhaida telah bercerai dan Iman cuba menyatukan kembali keluarganya.
- Masyarakat majmuk
Cth -Nenek dan Datuk Iman Zulaika telah lama mengenali bapa-Pei Wen yang berbangsa Cina.
- Masyarakat kampung
Cth-Iman Zulaika tinggal di kampung dan mejalani kehidupan masyarakat kampung setelah ibu bapanya bercerai dan ibunya melanjutkan pelajaran ke New Zealand.

(Terima mana-mana isi dan huraian yang sesuai)

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT